



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE

NAMA KURSUS : KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS : ETR 3013
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:

BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
 2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
 3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
 4. Tulis butiran anda seperitimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
 5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
 6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 9 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Beliau melihat usahawan dari sudut fungsi dan peranan usahawan sebagai individu atau kumpulan yang memikul tanggungjawab untuk menentukan jenis perniagaan, bentuk barang dan perkhidmatan. Beliau yang dimaksudkan ialah _____.
A H Evan.
B H.K Evan.
C H.G. Evans.
D Richard Cantillon.
2. Manakah antara berikut ciri usahawan yang mampu berdaya saing dan boleh berjaya?
A Bertanggungjawab, berwawasan dan bertubuh sasa.
B Bertanggungjawab, berkeyakinan dan mampu berjenaka.
C Berwawasan, berkeupayaan mengurus dan menilai pencapaian.
D Berorientasikan maklum balas, menilai pencapaian dan tidak suka persaingan.
3. Berikut adalah empat (4) langkah dalam mengenal pasti, mengkaji dan memilih peluang perniagaan **kecuali**
A Memilih peluang perniagaan yang wujud.
B Mengenal pasti keperluan dan kehendak pelanggan.
C Menilai data-data yang tiada kaitan dengan perniagaan.
D Menganalisis persekitaran, penilaian diri dan nilai masyarakat.

4. Pendaftaran sesuatu reka cipta contoh artikel.

Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan 1, apakah jenis perlindungan yang boleh dituntut oleh usahawan?

- A Perlindungan paten.
 - B Perlindungan hak cipta.
 - C Perlindungan hak perniagaan.
 - D Perlindungan cap perniagaan.
5. Manakah antara berikut yang **bukan** sumber bagi pembiayaan sesuatu projek?
- A Duit kutu.
 - B Sewa beli.
 - C Modal sendiri.
 - D Geran kerajaan.
6. Manakah antara berikut merupakan formula bagi kiraan indeks produktiviti?
- A Nilai input/kos output.
 - B Nilai output/kos input.
 - C Kos output/nilai input.
 - D Kos input/nilai output.
7. Manakah antara berikut merujuk kepada buruh langsung di restoran?
- A Pelayan.
 - B Penyelia.
 - C Juruwang.
 - D Tukang masak.

8. Pengurus pemasaran sebuah restoran telah membuat segmen pasarannya kepada dua iaitu segmen untuk orang dewasa dan kanak-kanak. Apakah kategori segmen pasaran ini?
- A Aktiviti.
B Geografi.
C Psikografi.
D Demografi.

9. Satu kaedah untuk menentukan kuantiti bahan-bahan yang diperlukan bagi menghasilkan sesuatu produk atau perkhidmatan.

Pernyataan 2

Apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan 2 di atas?

- A Perancangan pentadbiran.
B Perancangan kapasiti operasi.
C Perancangan keperluan bahan.
D Perancangan proses pengeluaran.

10. Apakah jenis susun atur yang sesuai bagi pusat membeli-belah?

- A Berdasarkan proses.
B Berdasarkan pemasaran.
C Berdasarkan reka cipta produk.
D Berdasarkan pilihan pelanggan.

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Terangkan **tiga (3)** keburukan memiliki sesebuah perniagaan.

(6 markah)

SOALAN 2

Pelbagai faktor dalaman dan luaran mempengaruhi persekitaran ekonomi perniagaan yang beroperasi. Faktor luaran tertentu boleh menjadikan peluang kejayaan syarikat. Perniagaan yang mempunyai kawalan yang kurang terhadap faktor-faktor ini harus bekerja keras untuk menjelaskannya apabila meletakkan dirinya di pasaran.

- a) Terangkan secara terperinci **empat (4)** faktor persekitaran luar yang mempengaruhi sesebuah perniagaan.

(8 markah)

- b) Kenal pasti **dua (2)** penilaian sebagai seorang usahawan sebelum menceburkan diri dalam bidang usahawan.

(4 markah)

SOALAN 3

En Azhar ingin menjalankan perniagaan seorang diri kerana beliau ingin menguruskan perniagaannya sendiri. Namun, beliau tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam untuk menubuhkan perniagaan. Sebagai seorang konsultan perniagaan, anda diberi tanggungjawab untuk membantu En. Azhar yang ingin menubuhkan perniagaannya.

- a) Terangkan **dua (2)** jenis perniagaan yang boleh diwujudkan.

(4 markah)

- b) Jelaskan **tiga (3)** kelebihan perniagaan milikan tunggal.

(6 markah)

SOALAN 4

En. Syazwan merupakan salah seorang graduan daripada Institut Pengajian Tinggi di Malaysia. Selepas tamat pengajian, beliau ingin memulakan perniagaan menjual kereta terpakai. Sebagai orang yang mahu memulakan bisnes, beliau perlu menyediakan rancangan perniagaan.

- a) Senaraikan **sembilan (9)** perkara yang perlu ada di dalam format rancangan perniagaan.
(9 markah)

- b) Nyatakan **tiga (3)** tujuan rancangan perniagaan disediakan.
(3 markah)

SOALAN 5

- a) Lukiskan carta alir langkah dalam mereka bentuk struktur organisasi.

(6 markah)

- b) Rangkakan struktur organisasi berdasarkan bilangan pekerja.

(4 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

a) Berikut ialah proses-proses untuk pembuatan inti karipap.

- I. Sediakan bahan-bahan untuk membuat inti.
- II. Pindahkan bahan-bahan tersebut ke tempat memasak.
- III. Panaskan minyak dan tumis bawang sehingga wangi.
- IV. Kemudian masukkan rempah kari serta bahan lain.
- V. Gaul bahan-bahan tersebut sehingga sebatи.
- VI. Tunggu sebentar sehingga inti tersebut masak.
- VII. Padamkan api dan sejukkan inti.
- VIII. Tunggu sebentar.
- IX. Lakukan pemeriksaan terhadap inti karipap.
- X. Simpan inti karipap sebelum digunakan.

Berdasarkan maklumat di atas, kenal pasti simbol yang sesuai dalam proses pembuatan inti karipap.

(10 markah)

- b) *Andy Car Wash* mendapat tawaran mencuci 600 buah lori sebulan pada harga RM50.00 bagi seunit lori. Spesifikasi kerja yang dinyatakan adalah menyembur, membasuh dengan syampu keseluruhan lori dan menggilap dengan menggunakan bahan penggilap. Kos perbelanjaan operasi itu ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

Bil.	Perkara	Harga (RM)
1.	Syampu	800
2.	Span dan berus	600
3.	Belanja rucit	400
4.	Upah pekerja	8000
5.	Gaji penyelia	2000
6.	Bil air	1000
7.	Bil elektrik	1200
8.	Sewa tapak	1200
9.	Bahan penggilap	1200

Jadual 1

Berdasarkan maklumat diatas dalam **Jadual 1**, kirakan:

i.Kos bahan.

(2 markah)

ii.Kos buruh langsung.

(1 markah)

iii.Kos tidak langsung.

(2 markah)

iv.Jumlah kos operasi.

(2 markah)

v.Keuntungan seunit perkhidmatan.

(3 markah)

(10 markah)

SOALAN 2

- a) Kamarul telah membeli sebuah van yang berharga RM100,000 dengan kaedah bayaran ansuran. Sila sediakan jadual ansuran sewa beli bagi pihak Kamarul dengan maklumat berikut:

Jenis Harta : Kenderaan

Jumlah : RM100,000

Kadar Faedah : 10%

Jangka masa bayaran : 5 Tahun

(10 markah)

- b) **Jadual 2** ialah maklumat bajet kewangan untuk *Cruncy Shop* bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2022:

Bil	Perkara	Kos (RM)
1	Bekalan pejabat	10,000
2	Perjalanan dan pengangkutan	30,000
3	Komisen dan bonus jualan	20,500
4	Pengiklanan	50,100
5	Faedah pinjaman	10,000
6	Faedah sewa beli	10,820
7	Bil elektrik dan air	120,000
8	Gaji dan upah	630,340
9	Kos barang dijual	230,000
10	Jualan	1,732,000

Jadual 2

Nota tambahan: Kadar cukai adalah 30% ke atas untung sebelum cukai.

Berdasarkan **Jadual 2**, sediakan Proforma Penyata Untung Rugi *Crunchy Shop* bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 apabila kadar cukai ialah 30% ke atas sebelum cukai.

(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT